



PERUTUSAN PENGERUSI

**YBHG. DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN
ABD RAHMAN**

**PENGERUSI
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA
(CAAM)**

1 JUN 2020

Kepada semua Warga CAAM yang dihormati.
Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

BICARA MUKADIMAH

1. Hari ini, Isnin, 1 Jun 2020 merupakan hari pertama saya bertugas – diamanahkan dan diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi CAAM. Alhamdulillah, segala puji dan kesyukuran dipanjangkan kepada Allah SWT di atas berkat kesihatan dan semangat yang dikurniakan kepada saya untuk terus berkhidmat dan menabur bakti kepada negara yang kita sayangi ini.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada **Menteri Pengangkutan, YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong** dan Kerajaan Malaysia serta Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengangkutan Malaysia kerana telah memberikan saya kepercayaan untuk menggalas tugas yang penting lagi mencabar ini. Kepada semua Warga CAAM juga, saya turut berterima kasih kerana menyambut dan menerima kehadiran saya dalam keluarga besar CAAM.
3. Disebabkan situasi Covid-19 semasa dan SOP yang mesti dipatuhi, kita tidak dapat berjumpa secara fizikal. Ditambah pula dengan norma baharu sekarang. Justeru itu, izinkan saya coretkan sedikit apa yang terlintas dalam kepala saya sebagai salam perkenalan kita pada hari ini.

LATAR BELAKANG

4. Hubungan dan kesatuan saya dengan CAAM bukannya baru terjalin pada hari ini. Ia bermula semasa saya bertugas di MOT lagi, di mana *team* MOT dan *team* DCA (ketika itu) sama-sama telah berusaha gigih dan bekerja rapat untuk merealisasikan Akta 788. Akhirnya, CAAM telah ditubuhkan pada 19 Februari 2018 setelah sekian lama Akta 788 diluluskan oleh Parlimen. Dalam rundingan migrasi daripada DCA ke CAAM, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi

selain 1 KGT juga kenaikan gaji 20% *across the board*. Pemberian kenaikan gaji 20% ini adalah satu kelainan yang julung kali diberikan serta *unprecedented* dalam sejarah penubuhan mana-mana Badan Berkanun Malaysia. Ia membuktikan, sekiranya kita ikhlas bersatu hati dalam misi kita, kita mampu mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Pemberian 1KGT + 20% ini juga mencerminkan **penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan** serta rakyat Malaysia terhadap tugas dan profesionalisme Warga CAAM.

5. Hubungan kerja saya dengan CAAM menjadi lebih mendalam selepas itu dengan isu-isu seperti Seletar, OLOA 1974, KKFIR, KLATC dan sebagainya, serta juga isu-isu dasar dan pengurusan dalaman CAAM selaku Anggota Pihak Berkuasa. Tugas rasmi terakhir saya bersama CAAM adalah semasa ICAO GA pada September 2019 di Montreal, Canada. Kejayaan manis kita mengekalkan kerusi di ICAO dengan rekod undi tertinggi dalam sejarah keanggotaan kita dalam ICAO adalah satu testimoni dan manifestasi kejayaan yang boleh kita julang sekiranya kita bersama-sama bersatu hati dan berusaha gigih. Kejayaan tersebut bukan sahaja satu pengiktirafan bagi negara, tetapi juga melambangkan status dan pengiktirafan terhadap **kompetensi CAAM** di kaca mata pihak-pihak berkuasa penerbangan antarabangsa yang lain.
6. Sekembali dari Montreal, pada 1 Oktober 2019 saya diberikan tugas baru yang sehingga kini masih saya junjung di atas bahu kerdil saya. Sungguhpun demikian, saya tetap mengikuti perkembangan semasa CAAM di mana berkaitan. Berita sedih selepasnya yang masih memilukan saya adalah bila mana kita diturun taraf ke Kategori II oleh FAA US. Dengan perasaan sedih serta hiba yang bersarang di hati, saya turut berkongsi cerita mengenai penurunan taraf ini serta implikasinya kepada negara dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPA dan dalam Perhimpunan Bulanan JPA. Saya, di JPA ketika itu turut berikrar untuk membantu di mana perlu untuk membetulkan semula kedudukan kita dan **mengembalikan semula maruah negara**. Itu komitmen saya di JPA untuk CAAM.

KESAN PANDEMIK COVID-19

7. Pandemik Covid-19 telah merubah landskap dunia. Antara yang paling terkesan adalah sektor udara. Ramai sahabat sealiran kita yang dikurangkan gaji. Ada yang sehingga 60%. Ada juga yang ditawarkan VSS, cuti paksa tanpa gaji atau mungkin diberhentikan terus atas faktor kemampuan syarikat dan kesan pandemik Covid-19 ke atas perniagaan mereka. Walaupun CAAM di peringkat organisasinya terkesan dengan keadaan semasa dari segi hasil pendapatan, namun ia sama sekali tidak menjelaskan Warga CAAM pada masa ini. Secara individunya, kita tidak terkesan. Justeru itu, kita mesti menggunakan peluang dan kelebihan ini untuk membantu membangunkan semula sektor udara ini melalui tindakan-tindakan proaktif kita. Kita mestilah sensitif kepada kehendak klien dan pemegang taruh kita. Apa juar tindakan kita, ia akan memberi impak kepada peluang klien kita untuk membina semula bisnes mereka dalam sektor udara negara. Bersandarkan ini, **kesegeraan tindakan, profesionalisme dan facilitation** daripada CAAM mungkin dapat memangkinkan pemulihan sektor udara kita.

AUDIT ICAO USOP 2022

8. Kita juga bakal berdepan dengan audit ICAO USOP pada H2 2022. Lebih kurang 2 tahun dari sekarang sahaja. Saya rasa semua Warga CAAM tentunya arif tentang implikasi audit ini. *We cannot fail. No, not this one, ever.* Kesannya terlalu besar – *it's beyond our wildest imagination.* Sekiranya gagal, ia akan melumpuhkan sepenuhnya sektor udara antarabangsa kita. Ekonomi kita akan turut terjejas kerana tiada *inbound-outbound air travel.* Saya rasa ini satu senario yang tiada negara hendak lalui dalam zaman ekonomi global sekarang. Secara tidak langsung, GDP negara sebanyak **~RM1.5 trillion** disandarkan atas bahu **1,350 Warga CAAM** sama ada secara individu maupun secara kolektif. Tiada agensi kerajaan lain yang boleh memberi kesan ekonomi sebegini besar, kecuali CAAM kerana CAAM tiada tukar gantinya.

CABARAN UTAMA

9. Menyedari hakikat di atas, kita berdepan dengan beberapa cabaran utama. Saya ringkaskan kepada 2 hemisfera sahaja:
- a. *Governance / Tadbir Urus* – dua elemen utama adalah *manpower* dan *financial sustenance & sustainability*; dan
 - b. *Statutory Functions / Fungsi Berkanun* – *Civil Aviation Regulation (CAR)*, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan sebagainya.
10. Hasrat asal untuk meletakkan CAAM dalam **landasan kewangan kukuh** melalui penilaian semula ANFC kini perlu ditimbang semula berikutan keadaan semasa kerana ia berkemungkinan merencatkan usaha pemulihan sektor udara. Namun demikian, kita akan teruskan matlamat untuk menjadikan CAAM **“Diasing dan Dibebaskan”** bagi menjamin keanjalan dan kedinamikan organisasi. Ini memberi peluang kepada CAAM untuk menarik dan mengekalkan bakat yang kompeten dan yang menjiwai misi CAAM.
11. Di bawah tajuk tadbir urus juga, peranan Anggota Pihak Berkuasa akan disandarkan sepenuhnya dan tertakluk kepada kuasa-kuasa yang diperuntukan di bawah Akta 788. **Pengasingan kuasa** serta *check and balance* akan diamalkan bagi memberi ruang kepada kepimpinan operasi dan cabang eksekutif untuk merangka pelan tindakan yang berkesan.
12. Cabaran kedua berkait rapat dengan fungsi berkanun CAAM serta audit-audit yang perlu kita lalui. Ini adalah bagi menjamin perjalanan udara kita **safe and secure**. Kelemahan-kelemahan dokumen dan implementasinya yang telah menggagalkan audit terdahulu akan dilihat semula dan diperbetulkan. Yang lompong akan diisi, dan sebagainya. Terlalu banyak untuk saya senaraikan secara terperinci di sini.
13. Pandemik Covid-19 juga telah merubah **landskap pasaran pekerjaan**. Statistik terkini menunjukkan kadar pengangguran semakin meningkat.

Menurut Siaran Akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh Di Malaysia (Mac 2020) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran meningkat sebanyak 17.1% iaitu seramai 610,500 orang berbanding 521,300 orang pada bulan yang sama tahun 2019. Manakala kadar pengangguran pada bulan Mac 2020 meningkat kepada 3.9%.

14. Daripada pengamatan di atas, persaingan untuk pekerjaan kini menjadi lebih sengit. Ramai yang ingin berkerja tetapi peluang pasaran kerja adalah terhad pada masa ini. Oleh itu, CAAM tiada toleransi kepada warga yang kurang produktif dan yang tiada **integriti**. Warga-warga CAAM yang terpalit akan diketepikan dan dipisahkan, bila mana terbukti dan disabitkan. Tiada kompromi. Kita gaji yang terbaik sahaja dan yang boleh kita percaya. Kita kena kukuhkan semula CAAM. Ini adalah peluang terbaik bagi semua Warga CAAM untuk *reset* diri masing-masing. Kita mulakan semula iltizam kita dan kita buka lembaran baru, *a new chapter and a new begining*. Tanpa menjelaskan keskes sedia ada, apa yang berlaku sebelum ini adalah di belakang kita sekarang. Kita bergerak ke hadapan, bersama-sama, menghindari dan menjauhi kesilapan lampau. Kita mencari yang mahu berubah ke arah kebaikan dan yang memenuhi acuan CAAM.

AKHIR KATA: AMANAH DAN IKRAR BARU

15. Mengimbau kembali, dimanakah silap kita? Kita tidak berniat untuk mencari kesalahan sesiapa tetapi kita mesti ambil iktibar dan beriltizam untuk menebus kembali maruah CAAM dan air muka negara kita. Kita kini disamatarafkan dengan negara-negara dunia ke-3 yang jauh mundur dari segi madaninya. Adakah kita selesa dengan label sebeginitu? Tidak! Kita membawa panji-panji negara dalam *domain* dan forum pihak berkuasa penerbangan antarabangsa. Kita adalah *facade* dan imej negara. Kita membawa bendera Malaysia, terpahat abadi di dada kita, di mana juga kita berada. Di belakang kita, terdapat 30 juta rakyat Malaysia yang berdoa dan menaruh harapan masa depan mereka kepada kita, tanpa sedar atau tidak. Janganlah kita lupa dan abaikan semua ini. ***Don't fail them***. CAAM adalah ikrar dan amanah kita kepada nusa dan bangsa. Ia diletakkan di bawah jagaan kita. Biarlah kita mati berdiri, berjuang

dalam menjalankan amanah dari hidup dalam kehinaan dan keaiban. Jatuh bangun CAAM adalah masa depan kita, masa depan anak-anak Malaysia dan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan bermaruah. Amanahnya di bahu kita.

16. Hari ini, saya diberi peluang sekali lagi untuk berganding bahu dengan Warga CAAM untuk meletakkan semula CAAM di tempat yang dihormati. Saya bertuah kerana semua yang saya kenal di CAAM adalah insan-insan yang berkaliber, komited dan profesional. Marilah kita bina semula **#TeamCAAM** dan menebus kembali kedudukan serta harga diri kita di persada antarabangsa.
17. Di akhir perjalanan kita ini, saya berharap kita boleh berasa bangga bila melihat kapal-kapal terbang memenuhi semula awan biru kita dan kita tahu, kita ada peranan di dalamnya walaupun secara tidak langsung atau hanya sekelumit. Itulah **kepuasan abadi** yang kita gapai sebenarnya.
18. Saya mengambil kesempatan akhir ini untuk mengajak semua Warga CAAM untuk kita merealisasikan impian dan pengharapan di atas. Marilah kita bekerja bersama-sama dengan semangat dan iltizam yang baru. Kita pernah terbang tinggi di awan. Kita pernah menggarap kejayaan cemerlang sebelum ini. Tiada sebab kenapa kita perlu gagal.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**SELAMAT HARI RAYA. MAAF ZAHIR BATIN.
SELAMAT HARI GAWAI.
SELAMAT MENYAMBUT PESTA KAAMATAN.**

**DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN
PENGERUSI
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA**

#TeamCAAM